



**JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH
BAHAGIAN PERUBATAN**

Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Telefon : 088-265960 / 088-512555
Faks : 088-253072 / 088-211277
Portal Rasmi : jknsabah.moh.gov.my

Ruj. Kami : (35) JKN (SB) (P) 100-5/1/11 Jld.2
Tarikh : 6 Disember 2018

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

**PENGEMASKINIAN TACARA PERMOHONAN MENJALANKAN LOKUM BAGI PAKAR
PERUBATAN/ PEGAWAI PERUBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 2/2010: Garis Panduan Pelaksanaan Melakukan Pekerjaan Luar (LOKUM) di Sektor Swasta oleh Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Bil. 5/2006: Tatacara Pelaksanaan Pegawai Perubatan dan Pergigian Berdaftar Melakukan Pekerjaan Luar (LOKUM) membenarkan seseorang Pegawai menjalankan pekerjaan luar setelah mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan.
3. Dimaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah mengemaskinikan tatacara permohonan menjalankan lokum baru-baru ini. Berikut adalah perkara-perkara yang perlu diambil perhatian.
 - 3.1. Semua permohonan perlu mendapatkan sokongan daripada Ketua Unit dan juga Pengarah Hospital atau Pegawai Kesihatan Kawasan.
 - 3.2. Semua Permohonan Menjalankan Lokum (**Lampiran 1**) yang telah diluluskan oleh Pengarah Kesihatan Negeri adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam surat iringan JKNS.
 - 3.3. Urusetia peringkat Hospital/ Pejabat Kesihatan perlu memastikan permohonan tersebut lengkap diisi dengan menggunakan senarai semak di **Lampiran 2** sebelum dihantar kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan).
 - 3.4. Pengarah Hospital atau Pegawai Kesihatan Kawasan perlulah sentiasa melakukan pemantauan terhadap pegawai-pegawai yang menjalankan lokum.

Ruj. Kami :() JKN(SB)(P)100-5/1/11 Jld.2
Tarikh : 6 DISEMBER 2018

4. Bersama ini dilampirkan bersama untuk rujukan tuan/puan :

- i. Lampiran 1 - Borang permohonan menjalankan lokum (Revised 12/2018)
- ii. Lampiran 2 - Senarai semak permohonan lokum (Revised 12/2018)
- iii. Lampiran 3 - Carta alir permohonan untuk melakukan lokum (Revised 12/2018)

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. ABD KAHAR BIN ABD ASIS)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

b.p. Pengarah Kesihatan Negeri Sabah

s.k.:

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)

Ketua Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta

Bahagian Perubatan, JKN Sabah

SENARAI EDARAN

PENGARAH HOSPITAL

Hospital Queen Elizabeth, Hospital Queen Elizabeth II, Hospital Mesra Bukit Padang, Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Hospital Duchess of Kent, Sandakan, Hospital Tawau, Hospital Lahad Datu, Hospital Keningau, Hospital Beaufort, Hospital Papar, Hospital Sipitang, Hospital Ranau, Hospital Kota Belud, Hospital Kota Marudu, Hospital Semporna, Hospital Kinabatangan, Hospital Beluran, Hospital Kudat, Hospital Tenom, Hospital Tambunan, Hospital Pitas, Hospital Kunak, Hospital Kuala Penyu, Hospital Tuaran

PEGAWAI KESIHATAN DAERAH

Papar, Kunak, Semporna, Sipitang

PEGAWAI KESIHATAN KAWASAN

PKK Kota Kinabalu, Tuaran, Kudat, Beaufort, Penampang, Keningau, Sandakan, Beluran, Lahad Datu, Tawau, Kinabatangan

PEGAWAI PERGIGIAN KAWASAN

Pejabat Pergigian Kawasan Kota Kinabalu, Beaufort, Keningau, Kudat, Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Penampang, Kota Belud, Kunak, Semporna

BORANG PERMOHONAN MENJALANKAN LOKUM

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah
 Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
 Tingkat 3, Rumah Persekutuan,
 Jalan Mat Salleh,
 88590 Kota Kinabalu, Sabah.
 u.p: Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Tuan/Puan,

PERMOHONAN MENJALANKAN LOKUM BAGI PAKAR PERUBATAN/PEGAWAI PERUBATAN

Saya No. Kad Pengenalan

Tempat bertugas

No. Pendaftaran Penuh No. Amalan Tahunan (Semasa)

Memohon kebenaran dan kelulusan untuk membuat lokum di Hospital/ Klinik/ fasiliti lain seperti di bawah

Untuk tempoh darihingga.....

1..... 3.

2.....

Saya berjanji akan mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Melakukan Pekerjaan Luar (Lokum) di Sektor Swasta oleh Pegawai Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan akan mengutamakan perkhidmatan dan integriti sektor awam serta bersedia untuk dipanggil pada bila-bila masa khasnya di waktu kecemasan. Saya faham Ketua Jabatan berhak menarik balik kelulusan pada bila-bila masa jika didapati bercanggah dengan peraturan sedia ada.

 (Tandatangan & Cop Pemohon)

Tarikh:

PERMOHONAN

Disokong

Tidak Disokong

Disokong

Tidak Disokong

 (Tandatangan **Ketua Unit**)

 (Tandatangan **Pengarah Hospital/
 Pegawai Kesihatan Kawasan**)

Cop Rasmi Jabatan :

Cop Rasmi Jabatan :

Tarikh :

Tarikh :

KEPUTUSAN

Permohonan **Diluluskan*** untuk tempoh hingga

Tidak Diluluskan (Sila rujuk surat iringan)

Berikut adalah tempat amalan yang telah diluluskan

1..... 3.

2.....

 (Tandatangan **Pengarah Kesihatan Negeri**)

Cop Rasmi Jabatan

Tarikh:

Catatan:*Kelulusan adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam surat Bahagian Perubatan, JKN Sabah No. () JKN(SB)(P)100-5/1/11 Jld.
 Sila serahkan sesalinan borang ini kepada pemohon selepas mendapat kelulusan Pengarah Kesihatan Negeri

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN LOKUM
BAGI PAKAR PERUBATAN/ PEGAWAI PERUBATAN
JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH**

Nama Pegawai :

Tempat Bertugas :

Kelayakan : *Pakar Perubatan/ Pegawai Perubatan

- | | | |
|----|--------------------------|---|
| 1. | <input type="checkbox"/> | Borang Permohonan Menjalankan Lokum (Lampiran 1) |
| 2. | <input type="checkbox"/> | Nombor Pendaftaran Penuh |
| 3. | <input type="checkbox"/> | Nombor Perakuan Amalan Tahunan (APC) |
| 4. | <input type="checkbox"/> | Tandatangan dan Cop Pemohon |
| 5. | <input type="checkbox"/> | Sokongan Ketua Unit |
| 6. | <input type="checkbox"/> | Sokongan Pengarah Hospital/ Pegawai Kesihatan Kawasan |
| 7. | <input type="checkbox"/> | Salinan Perakuan Amalan Tahunan Semasa * |
| 8. | <input type="checkbox"/> | Salinan Insurans Indemniti Perubatan ** |

Nota penting: ***Pegawai tidak dibenarkan menjalankan Lokum sehingga tempat amalan baru dinyatakan dalam APC**

**** WAJIB disertakan**

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT TPKN (P)

Semakan Pengesahan Pendaftaran atau Perlesenan Fasiliti Swasta oleh Unit Kawalan Amalan Perubatan Swasta (UKAPS)

Disemak Oleh :
Nama dan Cop

Tarikh:

ULASAN: *MEMENUHI SYARAT / TIDAK MEMENUHI SYARAT

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)

Nama dan Cop

Tarikh:

*Potong yang mana tidak berkaitan

CARTA ALIR PERMOHONAN BAGI PAKAR PERUBATAN/ PEGAWAI PERUBATAN UNTUK MELAKUKAN LOKUM JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH

